



# PEMANTAUAN TERHADAP AL-AQSA

## *Ringkasan Eksekutif*

Al-Quds Foundation Malaysia

### Laporan bertulis

mengenai pencabulan ke atas Masjid Al-Aqsa  
di antara 1/8/2015 dan 1/8/2016



Disediakan oleh Yayasan Al-Quds Malaysia dengan kerjasama  
Yayasan Al-Quds Antarabangsa

**PEMANTAUAN TERHADAP AL-AQSA**  
*Ringkasan Eksekutif*




---

***Laporan ini adalah mesej kepada siapa sahaja yang mengambil berat terhadap Masjid Al-Aqsa. Bagi mengembeling tenaga umat ini bagi menyatukan upayanya dan diarahkan ke arah isu Al-Quds secara jitu***

---

## Kandungan

<b>Pendahuluan.....</b>	<b>5</b>
<b>Pertama: Perkembangan ideologi kewujudan Yahudi di masjid Al-Aqsa dalam lapangan politik, agama dan undang-undang.....</b>	<b>8</b>
1. Pendirian Politik.....	10
2. Pendirian Keselamatan.....	12
3. Pendirian Undang-undang.....	13
4. Pendirian Agama:.....	14
<b>Kedua :Galian dan kerja kerja binaan serta pencarian di bawah masjid Al-Aqsa dan persekitarannya.....</b>	<b>16</b>
1. <b>Galian:</b> .....	<b>16</b>
A. Galian Ke Arah Selatan:.....	18
B. Galian ke arah Barat.....	23
C. Galian Arah Utara:.....	25
D. Galian Galian Arah Timur.....	25
2. <b>Bangunan dan Penghasilan di Al-Aqsa dan persekitarannya:</b> .....	<b>25</b>
Rumah Citruss : Bangunan empat tingkat.....	27
Perancangan Yahudinisasi di Harah al Syaraf.....	28
Pengusiran bagi tujuan membina gereja “jauharah Israel”.....	29
Kelulusan projek Bait Haliba (Bait al Jauhar) Yahudinisasi.....	29
Pusat Yahudinisasi Cadeim Hampir siap dilaksanakan.....	30
Pengkhususan bahagian dari Pagar Al-Aqsa untuk yahudi berfikiran liberal bersembahyang.....	30
Berek Agama untuk pendatang haram di ra’s al Amud selatan Al-Aqsa.....	31
Rampasan tanah yang berkembar dengan pagar Al-Aqsa Timur.....	32



**Ketiga : merealisasikan kewujudan Yahudi dalam Al-Aqsa dan campur tangan langsung dalam pengurusannya.....33**

1.Pencerobohan masjid Al-Aqsa dan permit ke atasnya:.....33

A. Pencerobohan dan kenyataan individu kerajaan.....34

B . Pencerobohan dan Kenyataan kenyataan Ekstremis Yahudi.....36

C. Pencerobohan pasukan keselamatan.....39

2. Campur tangan langsung dalam pengurusan Masjid Al-Aqsa.....39

A. Larangan pembaikan dan campur tangan dalam urusan waqaf.....40

B. Merumitkan pergerakan petugas waqaf.....41

C. Mengawal kemasukan ke masjid dan menyukarkan pergerakan orang yang ingin mendirikan solat melalui penangkapan dan pengusiran .....42

**Keempat: Harapan.....44**

A- Harapan terhadap kumpulan pertahanan dan pembelaan Palestin .....45

B- Harapan terhadap pihak berkuasa Palestin dan badan pembebasan.....47

C- Harapan terhadap kerajaan Jordan.....48

D- Harapan buat kerajaan-kerajaan Arab dan Islam.....50

E- Harapan buat Liga Arab dan OIC.....51

F- Harapan buat rakyat Palestin.....52

G- Harapan buat sekalian orang Arab dan Islam.....54

H- Harapan buat pihak yang bekerja demi Al-Quds.....56

I- Harapan buat para rujukan agama.....57

J- Harapan terhadap media dan pengamal media.....57

K- Harapan buat para pemuda Arab dan Islam.....58

L- Harapan terhadap badan undang-undang.....59



## ***Pendahuluan***

Yayasan Al-Quds Malaysia mengemukakan kali ini laporan bersiri “PEMANTAUAN TERHADAP AL-AQSA”, yang merakam pencabulan ke atas masjid Al-Aqsa al Mubarak juga turut mencatatkan perkembangan usaha penjajah Israel ke atas masjid Al-Aqsa dalam tempoh dari 1/8/2015 sehingga 1/8/2016.

Adapun laporan ini yang pertama dalam bahasa Malaysia tetapi ia adalah siri ke-10 dalam judul “Ain Ala Al-Aqsa” yang diterbitkan oleh Yayasan Al-Quds Antarabangsa sejak tahun 2005 yang berbentuk laporan tahunan sempena mengingati peristiwa kebakaran Masjid Al-Aqsa pada 21/8/ 1969.

Laporan ini bersifat terperinci yang merangkumi semua aspek sejak beberapa tahun yang lalu, melayakkannya menjadi rujukan dipercayai bagi beberapa pusat kajian dan badan pembuat polisi serta badan politik.

Ia juga menjadi rujukan bagi agensi berita yang mengutamakan isu hak asasi manusia dan isu Palestin. Laporan ini menekankan berkaitan isu yahudinisasi masjid Al-Aqsa oleh regim penjajah yang dirangkumi dalam beberapa aspek berikut:

Pertama: Perkembangan ideologi kewujudan Yahudi di masjid Al-Aqsa dalam lapangan politik, agama dan undang-undang.

Kedua: perbincangan terperinci berkaitan semua kerja penggalian dan pencarian di bawah masjid Al-Aqsa dan membincangkan halatujunya dan perkembangannya saban tahun turut dimuatkan dalam laporan ini.

Ketiga: Usaha penjajah dalam memaksa kewujudan yahudi secara fizikal dan aktiviti mereka dalam masjid Al-Aqsa. Serta cubaan campurtangan mereka dalam pengurusan masjid Al-Aqsa dengan memulakan pencerobohan dan kenyataan kenyataan pribadi yang rasmi dan juga melampau dari Yahudi juga pihak berkuasa selain turut mengkaji hala tuju dan kecenderungan semua golongan dengan menjelaskan petunjuk peranan semua pihak yang bersetuju dalam merealisasikan matlamat mereka tersendiri iaitu ingin membahagikan masjid Al-Aqsa antara Orang Islam dan Yahudi secepat mungkin.

Laporan juga menyebut berkaitan larangan membaik pulih masjid sepanjang tempoh laporan, juga melaporkan secara berterusan berkenaan gerakan petugas waqaf yang membentuk kumpulan kerja bagi melindungi masjid Al-Aqsa dan juga usaha menghalang peranan mereka sebagai langkah beransur ansur bagi menghilangkan kewujudan orang Islam dari Masjid Al-Aqsa untuk menjaga kepentingan pihak Sejarah Israel.

Selain itu, laporan juga memuatkan pengawalan keluar masuk masjid Aqsa dan percubaan penjajah menukar kaedah pengawalan di pintu pintu gerbang dan juga pergerakan orang solat menurut kediaman mereka dan umur mereka.

Laporan ini ditutup dengan pesanan pesanan bagi mereka yang bekerja dan mengambil berat berkenaan masjid Al-Aqsa samada badan tempatan ataupun badan antarabangsa baik bagi kerajaan mahupun rakyat Arab dan Islam seluruhnya.

Maklumat yang disampaikan men dedahkan bahgian yang paling dalam dari kedukaan dan kekejaman serta pencabulan ke atas salah satu tempat yang paling suci yang diimani oleh orang Islam. Dalam masa yang sama ia turut mendedahkan pengabaian masyarakat Arab, masyarakat Islam dan masyarakat antarabangsa terhadap isu keadilan yang melanggar hak kemanusiaan juga undang undang antarabangsa.

Yayasan Al-Quds Malaysia ketika mengeluarkan laporan ini, berharap akan berlaku gerakan dan pembelaan dari seluruh pihak untuk memainkan peranan dalam membela masjid Al-Aqsa.

Dr. Syarif Abu Syamalah  
Pengerusi,  
Yayasan Al-Quds Malaysia.



**PERTAMA**



***Perkembangan ideologi kewujudan Yahudi di masjid Al-Aqsa dalam lapangan politik, agama dan undang-undang.***

Telah jelas pendirian politik dan keselamatan Israel sepanjang tempoh laporan ini atas berlakunya Intifadhah Al-Quds yang bermula pada 1/10/2015 selepas peristiwa bersiri yang tidak dapat dipisahkan dari kebangkitan rakyat seluruh Palestin pada 2014 (Peristiwa Syahidnya Abu Khedr) atau diasingkan dari intifadhah Al-Quds yang keduanya berlaku di masjid Al-Aqsa sebagai salah satu faktor penting kebangkitan.

Perkara yang mendesak peringkat politik sehingga perlu mengusahakan pendamaian melalui Perjanjian bersama Jordan dengan kelolaan Setiausaha Luar Negara Amerika John Kerry, persidangan Amman pada November 2014 yang membawa kepada perundingan yang dinamakan dengan “perjanjian Kerry” pada Oktober 2015.

Semestinya, tidak boleh bercakap mengenai sentimen dalam pendirian Israel terhadap Al-Aqsa atau dalam perubahan dasar dalam teori kewujudan yahudi di Masjid Al-Aqsa terasing dari perubahan yang dipaksakan oleh golongan agamawan Zionis. Bagaimanapun bercakap mengenai pengunduran secara taktikal yang mana menjadi sandaran penjajah bagi menjaga capaian mereka sehingga kini dalam operasi pencabulan dan penempatan haram serta ketenteraan.

Mereka bersedia untuk menawarkan beberapa pengunduran kerana mengetahui bahawa sebarang penambahan kebangkitan akan mengembalikan senario yang dicapai intifadhah sehingga menyebabkan terhalangnya pencerobohan secara kekal sehingga April 2003.

Ini menjadikan penjajah mengambil pendirian beberapa pengunduran lebih baik dari bermula semula dari titik sifar yang membawa kepada pertembungan dengan aktivis aktivis pertubuhan Kuil(synagog) yang mendesak untuk membenarkan Yahudi untuk bersembahyang di Al-Aqsa.

Mereka tidak akan rela dihalang dari menceroboh masjid Al-Aqsa dan berundur darinya. Kerana inilah, desakan anggota Knesset dari memasuki masjid Al-Aqsa dengan anggapan bahawa pencerobohan politik akan membentuk kemarahan yang besar sekiranya anggota parlimen yang melakukan pencerobohan.

Walaupun kumpulan mereka hanyalah terdiri dari kurang 5 orang ahli parlimen, merujuk kepada kenyataan kenyataan yang bercanggah dengan dakwaan presiden Penjajah berkenaan menjaga keadaan sekarang dan tidak berhasrat untuk membahagikan mas

jid Al-Aqsa. Ini adalah kenyataan politik dari kerajaan kerana ungkapan Netenyahu berbeza pula.

Secara umumnya, boleh dikatakan sebenarnya penjajah menyusun gerka kerjanya untuk mengukuhkan kewujudannya di Al-Aqsa dalam rangka menjadikan Aqsa harga yang boleh dibayar pada masa kini, bagi menjaga sempadan tertentu yang selalunya menjadi nilai keamanan dalam pertimbangan penting dalam mengeluarkan kenyataan kenyataan dan pelaksanaan politik mereka.

### **1. Pendirian Politik.**

Penjajah belum bangun dari kegawatan akibat pembunuhan Syahid Abu Khedir pada 2014 sehingga mengheret mereka ke dalam terowong Intifadhah Al-Quds tahun 2015, mereka terpaksa menghadapi penentangan terbaru dengan kelengkapan yang digunakan bagi menghadapi kebangkitan rakyat pada tahun 2014 dengan apa yang boleh mengurangkan kehadiran ke Masjid Al-Aqsa sebagai faktor yang menyebabkan pertambahan kepada pergolakan dan dorongan rakyat Palestin untuk melaksanakan pelbagai operasi.

Netenyahu telah menetapkan larangan kemasukan anggota Knesset ke Masjid Al-Aqsa dalam kenyataan yang dikeluarkan dalam dua peringkat pertama bagi menghalang ahli parlimen yahudi yang membentuk pencerobohan mereka kepada penentangan dan pergolakan.

Dalam kenyataan lain melalui penerangan bahawa bahaya itu merangkumi anggota parlimen Arab berdasarkan bantahan majlis Knesset berbangsa yahudi dalam kenyataan awal dengan menolak perbezaan ke atas mereka. Larangan ini masih berterusan sehing-

galah tarikh laporan ini dikeluarkan walaupun ada cakap cakap ada kemungkinan dimansuhkan selepas Aidil Fitri.

Kecuali sekiranya keadaan keselamatan tidak membantu untuk menghapuskan larangan berikutan masih dicengkam ketakutan tercetusnya kebangkitan di Al-Aqsa.

Netenyahu juga mahu menegaskan kononnya dia hanya mahu menjaga kestabilan di Al-Quds selepas berlakunya intifadhah Al-Aqsa dan tidak berniat untuk mewujudkan sebarang pembahagian masa ataupun tempat di masjid Al-Aqsa dan memperlihatkan seolah olah ia hanyalah gambar gembur orang Islam dan sesetengah ahli Knesset.

Telah dikeluarkan beberapa kenyataan Netenyahu yang membawa kefahaman ini kepada anggota Knesset kepada pentingnya untuk tidak keluar dari senario ini selepas kenyataan timbalannya Menteri Luar Tsiviy Hotofliy bahawa dia mengimpikan untuk melihat bendera Israel berkibar di Al-Aqsa.

Dia juga turut menegaskan bahawa ia akan mematuhi perjanjian di dalam Perjanjian Kerry untuk membuang Kamera keselamatan CCTV dari Al-Aqsa bagi mengelakkan sebarang pergolakan.

Perkembangan selepas itu semasa tempoh laporan ini berikutan kemasukan Rabai Yahuda Glick ke dalam Knesset selepas pemeccatan Mosseh Yaaloun yang dipecat dari kerajaan dan dilarang terlibat dari sebarang aktiviti politik sementara waktu kerana bertelagah dengan Netenyahu.

Rabai Glick pernah cuba dibunuh pada oktober 2014 kerana pendi-riannya terhadap Al-Aqsa, berjanji akan melaksanakan perancangannya berkaitan dengan Al-Aqsa melalui politik, dengan menggelar hak Yahudi untuk bersembahyang di Al-Aqsa, walaupun

Glick sehingga kini mematuhi larangan yang dikenakan ke atas anggota Knesset tetapi dia telah menyatakan dalam kenyataannya dalam pandangannya berkisar masjid Al-Aqsa bahawa ada kemungkinan untuk membahagikan masjid Al-Aqsa seperti yang telah dilakukan ke atas masjid al Ibrahim.

## **2. Pendirian Keselamatan.**

Pendirian keselamatan berfokus pada kewujudan yahudi di Al-Aqsa dari sudut keselamatan serta kerjasama polis dengan menteri keselamatan dalam menjaga keselamatan dan menghadapi sebarang kebarangkalian untuk menentukan sejauhmana kesan pencerobohan secara khusus dalam mencetuskan kekecohan terutamanya intifadhah Al-Quds, yang dikatakan salah satu faktor pendorong kepadanya adalah penindasan yahudi ke atas Al-Aqsa dalam pebagai cara.

Jelas menurut Barmell Barud dan Nadaf Arjuman dalam laporan mereka di hadapan Lajnah keselamatan di Knesset pada Julai 2016 bahawa walaupun operasi mujahidin kini telah menurun, namun keadaan di tebing barat kini sangat mudah meletus dari sebarang pencabulan terutama di Al-Aqsa akan memandu penentangan penentangan baru.

Tetapi walaupun kebimbangan kepada berlaku ancaman keselamatan yang bermula dari Al-Aqsa seperti ditetapkan polis penjajah dan berdasarkan saranan Gilad Ardan telah diputuskan agar pintu Magharibah dibuka untuk pencerobohan pada 10 akhir Ramadhan setelah ia tidak berlaku sejak lima tahun kebalakangan ini.

Ketetapan ini memberi isyarat kepada 3 mesej: Menjawab tekanan dari pihak Kuil (synagog) yang menuntut agar jangan membiar-

kan Orang Islam mengawal syarat kemasukan ke Al-Aqsa, sebagai melihat reaksi yang bakal berlaku dari keputusan ini, selain itu juga bagi memenuhi tuntutan menghentikan sekatan pencerobohan bahawa ia adalah hala tuju yang tidak tepat yang boleh menyebabkan kehilangan kestabilan yang sukar dibendung.

Sebagai balasan ketidak stabilan berikutan pencerobohan mereka bergantung dengan polisi mengosongkan masjid Al-Aqsa dari orang Islam, maka keadaan huru hara yang disebabkan oleh pencerobohan yahudi ini dijadikan sandaran untuk mengeluarkan arahan bagi menghalang berlakunya kekecohan di masjid Al-Aqsa dengan menyekat kemasukan Orang Islam ke masjid Al-Aqsa bagi menyekat penentangan kedua dua pihak di masjid Al-Aqsa. Untuk itu, telah diputuskan oleh Menteri Tentera dengan nasihat dan menteri Keselamatan Dalam Negeri larangan ke atas apa yang dinamakan organisasi Murabithin dan Murabithat pada julai 2015 dan selepas itu larangan ke atas Gerakan Islam(HAMAS) sayap Utara pada November 2015.

### ***3. Pendirian Undang-undang.***

Bagi mengikuti idea kewujudan Yahudi di Al-Aqsa pada peringkat undang-undang dengan dua hala tuju: diputuskan dalam Knesset kenyataan dari Mahkamah dalam permasalahan berkait pencerobohan dan larangannya dan selain dari itu. Di Peringkat Knesset Pitslail smutrish anggota Knesset dalam Disember 2015 menuntut undang undang memberi kebebasan untuk yahudi melakukan sembahyang di Al-Aqsa. Turut menuntut agar Undang Undang menjamin kebebasan beragama dalam Israel sebagai kebebasan menyeluruh di semua tempat suci untuk semua agama, yang turut

merangkumi masjid Al-Aqsa. Untuk tujuan ini dia mencadangkan usul tambahan kepada Undang undang sedia ada bagi melindungi tempat tempat suci dan membenarkan kebebasan beribadah untuk semua agama melalui kebolehan untuk sampai ke sana denan bebas dan sentiasa dengan menggariskan ini adalah termaktub dalam undang undang untuk semua tempat dan semua orang, Turut menandatangani memorandum itu 5 anggota Knesset iaitu Nisan Slomensky dan Syouliy Mualllem Rafaeli dari Rumah Yahudi dan Miki Zouhar , Abraham Najusa dan Aurun Haazan dari Likud.

Adapun dalam Mahkamah, Mahkamah Pusat Penjajah di Al-Quds telah memutuskan bahawa mengangkat tangan di Al-Aqsa tidak dianggap upacara ibadah dalam membentangkan pandangannya dalam kes Yahuda Atsioun yang diusir oleh polis dari Masjid Al-Aqsa bersama beberapa orang aktivis Kuil kerana mengangkat tangan mereka ke langit semasa menceroboh Al-Aqsa.

Manakala mahkamah Rayuan memutuskan bersalah melaungkan takbir di hadapan Yahudi di masjid dengan menyifatkan ia adalah pelanggaran ketenteraman dan keselamatan Awam.

#### **4. Pendirian Agama:**

Perkembangan penting dalam peringkat agama sepanjang tempoh laporan adalah pendirian Rabai Besar Asykinaz David Lau mengeluarkan kenyataan bahawa dia ingin melihat “ kuil dibina semula di bukit al Ma’bad di Al-Quds”.

Kenyataan ini dibuat pada Jun 2016 yang bercanggah dari pendirian yang lalu iaitu pada oktober 2015 apabila dia mengeluarkan kenyataan pada 22/10/2015 bersama Rabai Besar Safardam

Yitzak Eusof turut ditandatangani 100 rabai Israel yang lain yang menegaskan fatwa yang lalu dengan melarang yahudi melawat Al-Aqsa.

Fatwa itu menyebut “Sesungguhnya kerana peredaran zaman tidak dapat lagi kita menentukan tempat kuil sekiranya sesiapa masuk ke tempat yang boleh, sekadar yang diketahui, dan janganlah memasuki ku Al-Quds yang paling suci kerana ia boleh mengundang azab Kareth yang akan mebinasakan menurut istilah Taurat.”

Adapun Rabai Safad ar Raes Samuel el Yahu (safardam) merujuk kepada “bahawasanya lawatan lawatan yang bertambah hari demi hari ke Kubur Rabai Simon Bar Yukhai di Murun Utara Safad yang dijajah bukti kepada rakyat Israel menyaksikan kebangkitan dalaman dan menuju ke arah kesucian, yang bermaksud bahawa “langkah seterusnya adalah Bukit Ma’bad”.

Dalam tempoh laporan ini dapat dilihat pergerakan cergas para aktivis dan pertubuhan pertubuhan Kuil dalam usaha latihan untuk melakukan upacara korban yang dijanjikan bagi menebus Al-Aqsa, seperti dinyatakan oleh pengetua kolej Kuil yang mengahwinkan pasangan yahudi di masjid Al-Aqsa tanpa menghiraukan polis dan sekatan berdasarkan laporan kolej di akaun Facebook mereka.



## **KEDUA**



### ***Galian dan kerja kerja binaan serta pencarian di bawah masjid Al-Aqsa dan persekitarannya***

#### **1. Galian:**

Cangkul penjajah tidak berhenti menggali perut Al-Aqsa secara umumnya dan persekitarannya secara khusus dengan alasan mencari bahan sejarah yahudi di sana.

Mereka mempergunakan ilmu arkeologi untuk mencipta sejarah palsu, dan riwayat Taurat yang diseleweng dengan menjadikan kuil yang didakwa ada itu sebagai pusat pencarian menurut peristiwa peristiwa sejarah. Melalui ucapan saintis penting mereka menyatakan di sana tiada sebarang kesan peninggalan kuil.

Apa yang diisytiharkan dengan penemuan penemuan bahan sejarah kembali kepada bangsa yahudi kuno hanyalah siri penip-

uan fakta yang panjang. Juga kerja mencampurkan keraguan dan kepalsuan pada bahan sejarah yang ada di alQuds dan perkarangan Al-Aqsa sejak zaman Arab Kan'an sehingga zaman Daulah Islam Uthmaniyah.

Tidak semua galian dilakukan penjajah secara rahsia, tetapi yang paling berbahaya adalah galian yang dilakukan di bawah pengetahuan dan secara rahsia. Tidak didedahkan melainkan secara berperingkat mengikut keadaan, dan tidak diberi perincian mengenai jarak, tujuannya, cabangnya, akhirnya dan matlamat sebenar galian tersebut. Jadi, untuk menutup rahsia dan penyelewengan mereka menggunakan dongeng sejarah dan agama di atas realiti sebenar ke atas terowong terowong yang digali bagi menyapu jejak dengan mencipta pelbagai mitos tentang Jerusalem dan Kuil serta Bangsa Yahudi.

Sepanjang tempoh ini juga Badan Arkeologi Israel mengeluarkan beberapa laporan akhir dan cadangan mendedahkan peringkat yang luas berkenaan kerja kerja penggalian menjalar ke serata persekitaran Al-Aqsa.

Kami telah lampirkan dalam laporan kami isi isi penting galian tersebut dan bahayanya ke atas Al-Aqsa, yang paling dekat dengan Al-Aqsa dan yang paling hampir dengan galian yang lalu dalam cubaan untuk menyambung langkah penjajah untuk menghubungkan antara semua terowong dan galian.

Seperti didedahkan tentang halatuju salah sebuah galian yang paling panjang di bawah Al-Aqsa dan persekitarannya, menjangkau dari Salwan Selatan Al-Aqsa sehingga Bab al Amud di pagar Old

City utara Masjid Al-Aqsa. Seperti didakwa oleh penjajah telah menemui penemuan terpenting dalam sejarah pencarian di persekitaran masjid Al-Aqsa, iaitu sebarang cincin dari tanah liat yang didakwa milik Hazqia seorang raja yahudi lingkungan (727-698 s.m) dan 33 barang lain.

Hasil laporan dari perkembangan galian kita mendapati telah berlaku 63 galian dibahagikan seperti berikut:

- Galian ke arah selatan: 25 Galian.
- Galian ke arah Barat: 31 Galian.
- Galian ke arah Utara: 6 Galian.
- Galian ke arah Timur: 1 Galian.

### **A. *Galian Ke Arah Selatan:***

Galian Penjuru Barat Daya:

Penggalian di kawasan ini tidak pernah berhenti sejak beberapa tahun lalu. Laporan terkini Badan Arkeologi Israel telah mendedahkan pada 1/8/2016 bahawa mereka telah menggali sepanjang 80 meter bermula dari Penjuru Barat Daya Al-Aqsa menuju ke Bab al Magahribah yang membawa ke lapangan Burak.

Galian yang berterusan sejak lima tahun (sejak 2012) ke kawasan bawah dinding batu menuju ke tiang tiang dinding barat Al-Aqsa; yang membawa kepada penemuan lima bongkah tiang tiang itu.

Ia bukan sekadar menggali di sekitar tiang tiang dinding barat masjid Al-Aqsa tetapi turut selesai menggali di rangkaian tiang tiang

dinding batu yang mendokong tiang tiang dinding barat yang berjarak dua meter.

### ***Galian Salwan dan Lembah Helwah.***

Telah diumumkan oleh Badan Arkeologi Israel pada 19/7/2016 dalam laporan akhirnya mengenai salah satu galian yang diluluskan perlaksanaannya di Salwan dan lembah Helwah selatan masjid Al-Aqsa pada Jun 2015, kawasan ini dinamakan penjajah sebagai “Bandar Arkeologi Suci David”. Badan Arkeologi mengakui kewujudan kesan Byzantium dan terusan air sedalam suku meter yang dibina di zaman Abbasiyah dan laluan yang dibina di zaman Mamaluk.

Galian galian di bawah perumahan Al-Quds yang mendiami kawasan Salwan secara umum, di Lembah Helwah secara khusus dan yang membentuk Bandar David menurut dakwaan penjajah membawa kepada keretakan dinding dinding rumah dan merekahnya permukaan tanah bahkan beberapa kejadian tanah runtuh yang mengakibatkan lubang di jalanan kawasan itu. Ini lebih besar dari sejarah.

Sepanjang tempoh laporan ini, akhbar Hebrew Hartz menyebarkan laporan yang merbahaya pada 24/5/2016 mendedahkan keluasan saiz galian yang dilakukan penjajah di Old City dan perkarangannya antaranya bawah perkarangan masjid Al-Aqsa.

Laporan berita itu merekodkan secara khusus tentang galian di Salwan dan Wadi Helwah, turut menyebut bahawa jaringan terowong di kawasan ini seolah olah sebuah Bandar yahudi di bawah tanah menjangkau dari tengah Bandar Salwan Selatan dan men-

embusi dinding barat Al-Aqsa dan di bawah Old City di Al-Quds yang terjajah, melalui bawah Sekolah Umari di arah Utara Masjid Al-Aqsa sehingga sampai ke kawasan Bab al Amud secara tepatnya ke Magharah al Kittan utara Al-Quds Lama.

Seperti disebut laporan tersebut bahawa “digali hari ini sebuah terowong sangat panjang dan lebar yang akan siap dalam tempoh beberapa tahun yang mana jaraknya menjangkau 700 meter dari Ain Salwan sehinggalah Tembok Burak, selebar 7.5 meter, akan menembusi pagar Al-Quds yang bersejarah di sebelah selatan.”

### ***Galian Ra’su al Amud.***

Galian ini terletak di kawasan perkampungan Ra’su al Amud di Salwan selatan masjid Al-Aqsa, Badan Arkeologi Israel telah memulakan kerja kerja galian di sini pada Oktober 2007, tidak ada laporan terperinci tentang galian ini melainkan dalam laporan akhir yang dikeluarkan pada 24/3/2016.

Badan Arkeologi menyatakan bahawa galian telah dibuat di tiga tempat dalam kawasan ini atas dakwaan mereka mencari di bawah runtuh binaan Rom yang terkemudian, dan mencari sisa runtuh zaman Byzantium. Mereka juga mendakwa wujudnya gua semulajadi di dalamnya ada batu kecil dan berderetan dengan batu besar di sisi arah utara gua. Badan Arkeologi mendakwa mereka telah menjumpai wang syiling zaman Hasymuneim dan zaman pemerintahan Qistantin ii.

### ***Galian Pagar Selatan Old City.***

Pada 12/7/2016 Badan Arkeologi Israel mendedahkan galian galiannya di bawah Pagar Selatan Old City, sejauh sekitar 150 meter ke barat dari Bab al Mugharibah yang terletak di Pagar Old City. Galian galian yang melekat dengan pagar dari luar bermula pada Disember 2014 (merujuk laporan kerja kerja galian yang lalu di tempat tersebut.) ia merupakan lubang yang panjang sebagai perlindungan bagi pagar selatan Old City sebagaimana menurut badan arkeologi.

Menurut mereka juga peninggalan sejarah yang ada dalam lubang itu kembali ke zaman Fathimiyah dan Salibiyah dan Ayyubiyah serta Uthmaniyah, turut dilampirkan Badan Arkeologi bersama laporannya gambar bagi terusan air dalam lubang, selebar 20 cm sedalam 30 cm dan ditutup dengan mozek juga gambar kepingan seramik yang dijangkakan mereka sebahagian dari patung.

### ***Galian Menjajar dari Selatan ke Bukit Zionis (here is the name of the mountain not an adjective.. so it should be Sohion not Zionis).***

Bukit Zionis terletak bertetntangan dengan Pagar selatan Old City di Al-Quds, ia memanjang ke perkarangan masjid Al-Aqsa. Dalam laporan akhir yang disiarkan Badan Arkeologi Israel pada 21/12/2015 mengumumkan berakhirnya penggalian di jajaran selatan ke Bukit Zionis pada dua bulan November dan Disember 2013 dengan modal dari syarikat Moria untuk pembangunan Al-Quds dan Syarikat Perlancongan Kerajaan. Kawasan galian turut merangkumi (menurut laporan tersebut) lima lubang sepanjang jalan Ma'aleh Syazakh yang terletak di tenggara yang menurut penjajah kubur Raja David.

## ***Terowong Salwan- “Davidson”***

Badan Arkeologi Israel telah mendedahkan dalam laporan awalnya pada 15/10/2015 tentang pelaksanaan kerja kerja galian dan pembaikan serta penswastan salah sebuah kawasan galian yang memanjang dari Salwan (Bandar David) kea pa yang dinamakan Taman Arkeologi Davidson yang terletak di penjuru barat daya Al-Aqsa, iaitu pada bulan Jun 2014.

Badan Arkeologi Israel menyebut bahawa kerja galian itu didokong oleh pertubuhan penempatan Il’ad yang menemui kesan peninggalan yang melengkung dan juga telaga serta tembikar tembikar.

## ***Galian Istana Istana Umawiyah.***

Pada 2/12/2015 penjajah mendakwa menemui 33 bahan bersejarah antaranya merupakan cincin tanah liat milik “hazkiyahu seorang raja Yahudi” (727-698 s.m). Sewaktu operasi menggali di Bawah istana Istana Umawiyah .

penggalian ini dikawal selia oleh Universiti Hebrew dengan kerjasama Badan arkeologi Israel. Kumpulan yang merupakan anggota pertubuhan penempatan dan yahudinisasi Israel telah menjadi tenaga kerja bagi mencuri tanah dari tempat yang disebutkan selain itu mereka meakukan usaha untuk mencari peninggalan sejarah di tanah Jabal Ma’bad seperti dakwaan orang Israel..

## ***B. Galian ke arah Barat***

### ***Galian Ribat Bairam Jawisy.***

Badan Arkeologi Israel mengeluarkan kenyataan pada 8/6/2016 dalam laporan terkininya berkenaan galian galian yang dilakukan pada Jun 2015 di Kawasan Ribat Bairam Jawisy yang terletak di perkampungan Islam dalam Old City di Al-Quds. Galian galian ini terletak di hujung timur sebelah selatan jalan Ribat bertentangan Bab al Nazer ( Bab al Majlis) di pagar barat Masjid Al-Aqsa yang terletak 50 meter dari pagar tersebut. Menurut laporan itu, Galian besar terletak di utara galian galian itu dilakukan oleh badan arkeologi, menemukan tinggalan zaman Byzantium, kawasan ini membentuk pintu masuk bagi pasar menuju ke Gereja al Qiyamah pada ketika itu.

### ***Perancangan Penukaran Salah sebuah Dewan di bawah Tanah di bawah Bilik Mandi al Ain kepada gereja Yahudi.***

Sumber Yahudi dan media massa pada 10/2/2016 telah mendedahkan tentang rancangan penjajah untuk menukar salah sebuah dewan bawah tanah di bawah Bilik Mandi al Ain kepada Gereja Besar Yahudi beberapa meter dari bawah barat masjid Al-Aqsa. Sumber yang sama turut melaporkan kerja kerja penggalian tambahan akan dilakukan sebelum memulakan pembinaan bangunan gereja yahudi yang disebut.

Projek ini dinamakan “Tabung Warisan Orang menangis”, ia adalah syarikat kerajaan yang terletak secara langsung di bawah pe-



jabat kerajaan Israel, dengan didanai bilionair Yahudi Yizak Chuva dan anak perempuannya akan menjadi arkitek gereja tersebut. Kedudukan gereja itu adalah di bawah bilik Air al Ain yang kini merupakan dewan kerajaan Mamaluk yang bersejarah.

### ***Galian Kampung Yahudi.***

Badan Arkeologi Israel menyiarkan laporannya bertarikh 30/10/2016 tentang galian galian yang dilakukan di tengah Harah al Syaraf (Kampung yahudi) pada mac 2011. Badan Arkeologi juga berkata sesungguhnya galian yang dijalankan di bahagian utara Kampung Yahudi menjajar di pondok sempit di bangunan lama Uthmaniyah yang terdiri dari dua bilik. Badan Arkeologi juga mendakwa bahawa galian itu sampai ke bawah tiang tiang, mendedahkan bangunan dari zaman pertengahan dan beberapa longkang yang dalam yang dipahat di batu menampakkan zaman era “Kuil Kedua”.

Dekat dengan galian ini, badan arkeologi Israel pada Oktober dan November 2009, juga pada oktober dan November 2010 galian galian di Jalan Umar dengan tajaan perbandaran penjajahdi Al-Quds menurut laporan awal yang dikeluarkannya pada 31/12/2015

### **C. *Galian Arah Utara:***

Pada 5/8/2015 Laporan akhir dari Badan arkeologi Israel ada menyebut bahawa mereka telah menggali selatan gereja Katholik Armenia di Old City ke barat laut masjid Al-Aqsa. Mereka mendakwa adanya tembikar, cerek dan pinggan peninggalan lain dari era zaman Mamaluk dan kurun ke19 masehi juga tempayan yang dipercayai dari zaman Ma'bad kedua.

Galian juga merebak ke Magharah al Kitan dan Barakah al Baqarah dalam bentuk modern terowong terowong yang memanjang dari Salwan ke arah Utara Al-Aqsa. Ini bermakna usaha menggali dikedua tempat itu masih berterusan.

### **D. *Galian Galian Arah Timur***

Pada Disember 2013 dan Mac 2014, Badan Arkeologi Israel melakukan galian dari Barat Jabal Zaitun menjajar ke Masjid Al-Aqsa sebelah timur. Badan Arkeologi mendakwa dalam laporan akhir mereka tentang galian yang diedarkan pada 27/10/2015 bahawa mereka telah menjumpai perkuburan zaman Ma'bad kedua dan kesan runtuhan binaan Rom dan kolam mandi zaman Mamaluk.

## **2. *Bangunan dan Penghasilan di Al-Aqsa dan persekitarannya:***

Kewujudan Al-Aqsa masih membingungkan penjajah, Masjid Al-Aqsa dan mercu tandanya serta mercu mercu tanda yang bertebaran di penempatan penempatan sekitarnya masih menampilkan kearaban dan keislamannya. Buat masa ini ya-

hudi tidak dapat mencapai kemajuan yang banyak dalam menghapuskan masjid keseluruhannya bagi membina kuil yang mereka dakwa di atasnya. Ini menyebabkan mereka merangka dua langkah berikut:

- Langkah pertama: memusnahkan simbolik masjid, cubaan membahagikan masjid, menguasai pengurusan masjid dengan mencerooh dan masuk campur dalam kerja pengurusan harta waqaf orang Islam, dan menyusahkan pergerakan orang yang ingin bersolat dan mempertahankan masjid.
- Langkah kedua: menambah pesatkan pembinaan pusat pusat dan mercu mercu tanda yahudi, terutama yang besar antaranya: di persekitaran yang dekat dengan masjid bagi merampas ciri ciri asal tempat tersebut.

Sepanjang akhir enam tahun ini kerja kerja mega yahudinisasi oleh penjajah disegerakan yang menyasarkan perkarangan masjid Al-Aqsa. Maka setelah mereka Berjaya membuka gereka al Kharab, yang merupakan gereja yahudi terbesar di Old City, pada bulan Mac 2010 tanpa sebarang pampasan. Sebelum itu mereka telah membuka Gereja Ishaq Camp pada 12/10/2008 mereka berani untuk mendana beberapa perancangan untuk tujuan mengancam ciri ciri Arab dan islam di perkarangan masjid Al-Aqsa.

Sepanjang tempoh laporan ini gambaran lebih jelas telah didedahkan dengan kerancangan dalam empat projek yahudinisai yang besar yang akan memberi kesan pada kawasan sekitar Al-Aqsa iaitu:

- Projek Rumah Citrus
- Projek Rumah Haliba-Rumah Rohani
- Projek gereja “Rohani Israel”
- Projek “Pusat Caidem- Kuil Taurat”

Ini diperigkat bangunan adapun perancangan lain, didedahkan penjajah mendana untuk mengkhususkan kompleks untuk orang yahudi bersembahyang, di kawasan selatan kebun Bab al Maghari-bah sepanjang pagar barat masjid Al-Aqsa, juga di atas kesan run-tuhan istana Umawiyah. Laporan itu juga mendedahkan perancan-gan membina escalator di bawah tanah bagi membawa pelancong luar dari perkampungan yahudi ke Lapangan Burak. Dan akan da-tang projek-projek yahudinasai penjajah di kawasan Al-Aqsa:

### ***Rumah Citruss : Bangunan empat tingkat.***

Pada 10/2/2013 telah didedahkan perancangan penjajah ingin membina Rumah Citrauss bagi tujuan yahudinisasi pada jarak 50 meter dengan tempat bersejarah terkenal yang bernama jambatan Umm al Banat yang terletak berhampiran Tembok Burak di pagar barat masjid Al-Aqsa. Projek ini diselia oleh “Tabung Waris Orang yang Menangis” yang mana akan dibina dalamnya sekolah agama, gereja yahudi, pusat operasi polis modern, dewan pengajian Tal-mud, dewan reception yang besar dengan ruang tamu, berpuluh puluh bilik air dan juga bilik bilik penyelenggaraan.

Semasa laporan ini disiapkan penjajah telah menyiapkan kerja pembinaan Rumah Citrauss iaitu pada bulan Januari 2016 dengan

pembinaan tingkat empat. Kerja kerja ini meliputi plaster bahagian luar dengan semen kalis peluru, dan menggunakan tiang di atas tingkat tiga dengan tiang tiang yang di ambil dari bangunan Uthmaniyah Islamiyah.

Apabila telah siap binaan tingkat empat akan dijadikan sebagai pejabat bagi Rabai al Mubki dan pejabat pribadinya juga. Akan turut memuatkan pejabat pejabat urusan Rumah Citrauss, bilik bilik tukar pakaian untuk pekerja lelaki dan bilik berasingan untuk wanita, juga bilik menyimpan barang pribadi, seperti dijangkakan tingkat empat juga aka nada bilik peninjau umum yang dapat memantau lapangan burak dan masjid Al-Aqsa dari satu arah. Serta memantau Old city di arah yang lain.

### ***Perancangan Yahudinisasi di Harah al Syaraf***

Penjajah merancang untuk melaksanakan projek yahudinisasi di tengah Harah al Syaraf barat masjid Al-Aqsa. Laporan Cubers mendedahkan bahawa penjajah meletakkan sentuhan akhir dalam perancangan menyeluruhnya dalam yahudinisasi harah al Syaraf dengan seliaan Syarikat pembangunan kampong yahudi dengan sokongan dari menteri pembangunan rendah Yawav Galant dan menteri Al-Quds dan pecahan Zaef Ilkin.

Perancang turut memuatkan kawasan meletak kereta yang boleh memuatkan 600 kenderaan di bawah tanah akan siap dibina terowong bawah tanah menembusi pagar bersejarah kota Al-Quds untuk sampai ke tempat letak kereta tersebut dari luar Al-Quds Lama. Juga akan disipapkan kompleks membeli belah dan kecantikan di bawah tanah dalam kawasan itu. Dalam masa terdekat ini akan dikeluarkan kelulusan pembinaan untuk menyiapkan projek

dua escalator di bawah tanah bagi menghubungkan Perumahan al Syaraf dan Perumahan al Magharibah dengan kawasan Burak.

### ***Pengusiran bagi tujuan membina gereja “jauharah Israel”***

Laporan media mendedahkan penjajah nekad untuk mewarwarkan pengusiran bagi membina gereja Jauharah Israel di Old City, ia adalah gereja besar berkubah setinggi 23 meter yang terdiri dari enam tingkat; 2 di bawah tanah dan 4 yang lain di atas tanah dengan keluasan bangunan menjangkau 1400 meter persegi di atas tanah seluas 378 meter persegi, didana terus di bawah kerajaan Israel. Laporan Cubers menyebut bahawa pelbagai jabatan jabatan penjajah mengeluarkan dana untuk merancang dan membina serta meletakkan batu asas hanya menunggu untuk diumumkan sahaja permulaan pengusiran untuk memulakan projek yang dijaga oleh Syarikat Pembangunan Perumahan Yahudi.

### ***Kelulusan projek Bait Haliba Bait al Jauhar)Yahudinisasi.***

Penjajah Israel telah menetapkan untuk melanjutkan projek Bait Haliba (bait al Jauhar) yang ingin dibina bertentangan dengan Tembok Burak barat Masjid Al-Aqsa di atas tanah tanah waqaf yang terletak di Harah al Magharibah yang telah dirobohkan penjajah pada tahun 1967. Biro Ketenteraan Perancang Bangunan di Bandar Al-Quds pada 30/11/2015 telah meluluskan projek ini dengan arahan dari Netenyahu. Keluasan bangunan secara keseluruhan setinggi dua tingkat yang pertama dan kedua sebesar 1505 meter persegi.

### ***Pusat Yahudinisasi Cadeim Hampir siap dilaksanakan.***

Perkembangan isu projek Kuil Taurat- Pusat Cadeim (Kuil Kuno) sejak tempoh laporan Majlis Bangunan dan Rancangan Negara dalam mesyuaratnya yang panjang yang telah bersidang pada 22/3/2016 di Bandar Al-Quds menolak semua bantahan yang diajukan terhadap projek Kuil Taurat- Pusat Cadeim dan berikrar akan meluluskan projek tersebut menurut keputusan Biro ketenteraan yang lalu. projek Kuil Taurat- Pusat Cadeim dikira sebagai projek paling besar dan merbahaya di antara projek-projek Yahudinisasi yang didirikan bertentangan dengan Al-Aqsa, sejauh 20 meter dari pagar bersejarah selatan Old City iaitu 100 meter dari masjid Al-Aqsa.

Mereka memutuskan untuk membina projek ini di atas tanah berkeluasan 16000 meter persegi setinggi 7 tingkat sebahagian darinya di bawah tanah. Bangunan ini turut memuatkan kepelbagaian jenis tujuan, seperti ditunjukkan dalam plan pembinaan ia sebagai pusat menerima dan menguruskan kedatangan delegasi delegasi dan tetamu tetamu dari Israel dan luar untuk kawasan perkarangan Al-Aqsa dan Al-Quds Lama serta Salwan dan Tembok Burak.

### ***Pengkhususan bahagian dari Pagar Al-Aqsa untuk yahudi berfikiran liberal bersembahyang.***

Pada 31/1/2016 Kerajaan Israel telah bersetuju mewujudkan kawasan terpisah (perkarangan) di sisi Tembok Burak (Orang Menangis) diberikan kepada yahudi yang menjaga dan tidak menjaga sembahyang untuk bersembahyang di dalamnya tanpa memisahkan antara lelaki dan perempuan.

Oleh kerana perancangan yang diperakui kerajaan Netenyahu dengan bantahan anggota kerajaannya yang orthodox ia akan dipindahkan ke tempat yang membenarkan wanita dan lelaki Yahudi dapat bergaul dan bersembahyang dengan bebas. Projek juga merangkumi bangunan pentas besi yang besar di atas kesan runtuhan istana Umawiy sepanjang pagar barat Al-Aqsa pada bahagian selatan tebing Bab al Magharibah.

### ***Berek Agama untuk pendatang haram di ra's al Amud selatan Al-Aqsa.***

Pada 5/8/2015 laporan media mendedahkan bahawa kerajaan penjajah meluluskan kerja kerja pecah tanah yang luas yang menyasarkan perumahan Ra's al Amud yang terletak di Bandar Salwan tenggara masjid Al-Aqsa. Galian ini bertujuan bagi membina berek agama Mekvah (Magtis) atas keluasan sehektar dari tanah seluas sekitar 2.5 hektar untuk kegunaan awam. Projek ini terletak menjar ke penempatan "maaleih Hzeiteim" yang terletak di perumahan, antara peraturannya Berek ini hanya khusus digunakan oleh pendatang haram Israel bagi melaksanakan upacara keagamaan (bersuci). Untuk itu penjajah mula membina tembok setinggi empat meter sejak tiga bulan dari mula melakukan galian delain meletakkan kawat besi setinggi 8 meter di atas tanah lain selepas pembinaan (magtis) di kawasan tersebut.



### ***Rampasan tanah yang berkembar dengan pagar Al-Aq-sa Timur.***

Pada 16/8/2015 Penjajah telah merampas sekeping tanah yang berkembar dengan perkuburan bab al Rahmah dan terletak di timur laut dari tanah perkuburan. Pegawai pegawai alam sekitar Israel telah mencerooboh dengan perlindungan tentera penjajah lalu diletakkan kawat besi sepanjang 800 meter sebahagian darinya mencapai satu hektar yang asalnya sekitar 7 hektar dari keluasan tanah.

Pada 19/7/2016 Tentera penjajah telah mncerooboh perkuburan di bab al Rahmah dengan arahan dari Badan Arkeologi Israel dan memusnahkan empat kubur ahli keluarga penduduk baitul maqdis dengan alasan tiada permit, dan dikebumikan dit tanah yang telah dirampas oleh penjajah. Begitu juga tentera penjajah telah mencerooboh kubur pada 23/7/2016 dalam cubaan kedua bagi penduduk Bandar Salwan ini semua bagi merealisasikan perancangan mereka bagi menukar perkuburan ini kepada taman Talmud dan stesyen telfrik.

## **KETIGA**



***Merealisasikan kewujudan Yahudi dalam Al-Aqsa dan campur tangan langsung dalam pengurusannya.***

### ***1. Pencerobohan masjid Al-Aqsa dan permit ke atasnya:***

Pencerobohan masjid Al-Aqsa adalah salah satu dari senjata kewujudan mereka di Al-Aqsa. Ia adalah jalan pintas dan permulaan untuk sampai kepada pemisahan masa dan tempat di masjid Al-Aqsa, Intifadhah Al-Quds telah mengakibatkan kekurangan kepada pencerobohan sejak beberapa bulan dalam tempoh laporan ini, dan menghalang penyertaan orang rasmi di dalamnya, yang tangan tangan penjajah terus melakukan pencerobohan dalam Al-Aqsa yang dikepalai pertubuhan ma'bad melalui sambutan perayaan perayaan yahudi, yang dianggap mereka sebagai musim menunjukkan kewujudan yahudi di Al-Aqsa.

## **A. Pencerobohan dan kenyataan individu kerajaan.**

Ucapan individu rasmi Israel menyasarkan murabithin di Al-Aqsa dan mereka yang berkumpul dalam melakukan ribat dalam kumpulan yang besar. Maka dalam pekeliling yang diedarkan pada 24/8/2015 yang diutuskan oleh menteri keselamatan Israel Gilad Ardan kepada menteri tentera ketika itu Mosyeh Ya'loun, disebut di dalamnya “ sesungguhnya dua kumpulan itu(murabitun dan murabitat) memerhatikan lawatan yahudi ke tanah suci Al-Quds, mereka menjerit kata kata semangat, tujuan mereka ingin menamatkan orang yahudi yang melawat, aku akan melakukan apa yang termampu bagi menghentikan aktiviti dua kumpulan yang merbahaya itu”

Pada 8/9/2015 menteri tentera Israel pada ketika itu Mosyeh Ya'loun mengeluarkan peraturan berkaitan murabitun dan Murabitat sebagai pertubuhan di luar undang undang dengan menjadikan justifikasi kenyataannya itu untuk menjaga keselamatan umum dan peraturan dalam masjid Al-Aqsa, berikutan peraturan ini merupakan serangan liar ke atas murabitun Al-Aqsa, turut terlibat menteri pertanian Uri Ariel menceroboh masjid Al-Aqsa pada 13/9/2015 bersama puluhan pendatang haram lain , tentera penjajah mengurung orang yang mendirikan solat dalam masjid al Qibali dan menembak mereka dengan peluru getah.

Ariel menyambung kenyataannya ke atas masjid Al-Aqsa seperti dilaporkan darinya oleh radio Arousy Shafk bahawa dia akan meneruskan pencerobohan ke atas masjid Al-Aqsa dengan lebih hebat lagi kerana dia melihat bahawa haknya untuk menziarahi tempat paling suci bagi bangsa yahudi dan bersembahyang di dalamnya.”

Serangan ke atas murabitun berterusan ketika Neir Barakat datuk Bandar penjajah mengancam bahawa orang yang bersolat dan terutamanya Musairi al Syaghab di Al-Aqsa akan membayar harga yang mahal, dalam masa yang sama dia mengajak yahudi untuk terus penceroboh masjid Al-Aqsa setiap kali perayaan yahudi, dia juga menegaskan bahawa yahudi ada hak ke atas Al-Aqsa, merujuk kepada “ hak ini wajib dipelihara dan polis mestilah menjaga kelangsungan pencerobohan yahudi.”

Pencerobohan rasmi tidaklah berlarut banyak kali, apabila berlakunya intifadhah Al-Quds, ada percubaan dari penjajah untuk mengembalikan keadaan seperti sebelum ini, ketua majlis menteri penjajah Netenyahu pada 8/10/2015 mengeluarkan larangan melarang mana mana anggota Knesset dan menteri kerajaan memasuki Al-Aqsa.

Dalam bentuk yang berhubung dengan menguasai Al-Aqsa, timbalan menteri luar Israel Tsibiy Hotofliy menyatakan melalui rangkaian 2 Hebrew bahawa dia mengimpikan melihat bendera Israel berkibar di masjid Al-Aqsa, dia turut mengumumkan bahawa Al-Quds adalah pusat pemimpin Israel dan ibu Negara Israel, dan ia adalah tempat paling suci buat orang yahudi, selepas dikecam hebat berdasarkan kenyataan itu akhirnya dia membaas bahawa ini adalah pandangannya secara pribadi bukan pandangan rasmi kerajaan.

## ***B . Pencerobohan dan Kenyataan kenyataan Ekstremis Yahudi.***

Pertubuhan al Ma'bad aktif mencero boh Al-Aqsa dan memainkan peranan penting dalam mengumpulkan orang ramai dan mempersiapkan latihan upacara taurat selain melancarkan kempen untuk menyusun pencerobohan berkumpulan sepanjang perayaan yahudi seperti mana mengembangkan peranan sebahagian pertubuhan untuk menaja sukarelawan mencero boh masjid Al-Aqsa.



Sepanjang liputan laporan ini telah kembali Rabai ekstrem Yahuda Glick untuk mencero boh masjid Al-Aqsa. Selepas mahkamah rayuan Israel membebaskannya di Al-Quds yang dijajah atas tuduhannya pada 25/2/2016, yang diperintahkan agar dia tidak memasuki Al-Aqsa, Glick telah menyertai pencerobohan masjid Al-Aqsa pada 1/3/2016 bersama isterinya penyertaannya dalam pencerobohan ke atas Al-Aqsa berulang lagi pada 21/3/2016 dengan mencero boh masjid bersama 20 pendatang dan 6 pegawai polis penjajah.

Pada 4/4/2016 Glick memimpin beberapa kumpulan pendatang, dia menggambarkan kegembiraannya yang tak terhingga kerana berterusannya pencerobohan ke atas masjid Al-Aqsa tanpa sebarang halangan besar, dia menulis dalam akaun facebooknya “keputusan kerajaan mengeluarkan Gerakan islam dari undang undang dan murabitun dan murabitat dari masjid Al-Aqsa telah memberi kami kebebasan yang lebih besar. Glick menghentikan pencerobohannya ke atas masjid Al-Aqsa setelah dia dipilih sebagai anggota Knesset selepas pemecatan Mosheh ya'loun dan pengundurannya dari dunia politik.

Dalam erti kata lain dalam menceritakan usaha ekstremis yahudi , Rabai ekstremis Pansy Gofestein pemimpin gerakan pengganas Lahafa, anaknya yang bernama Ilyasyef telah berkahwin dalam masjid Al-Aqsa dan berkata Gofestein bahawa langkah yang diambil anaknya itu bagi menegaskan hak agama orang yahudi untuk kembali membina kuil. Seperti yang didedahkan akhbar Yadiout Ahrounout pada 13/4/2016 berkenaan gerakan pendatang eksterim yang melangsungkan upacara pernikahan dalam Al-Aqsa dan disediakan upacara ini oleh Kolej Ma'bad yang berkata sebenarnya melakukan upacara perkahwinan di tempat ini membentuk kejayaan besar dalam usaha mengembalikan tanah yang dijanjikan kepada yahudi.”

Melalui perkembangan mutakhir ini dapat disimpulkan dari sudut politik penjajah menerusi beberapa perayaan Islam, mereka membenarkan pencerobohan diteruskan sepanjang bulan Ramadhan al Mubarak tidak dihalang pencerobohan melainkan pada akhir bulan, dalam statistic tidak rasmi telah mencapai bilangan pencerobohan ke atas masjid Al-Aqsa sepanjang bulan Ramadhan lebih dari 623 orang askar dan pendatang dan mereka yang tercedera dalam pencerobohan ini tidak kurang 67 orang murabitun yang beriktikaf di masjid Al-Aqsa.

Dan kita merujuk kepada bilangan yang menceroboh masjid Al-Aqsa dari pendatang dan ejen penjajah sepanjang tempoh laporan iaitu dari 1/8/2015 hingga 1/8/2016 mencapai sekitar 13733 penceroboh.



Carta menunjukkan bilangan penceroboh mengikut bulan bermula Ogos 2015 hingga julai 2016



### ***C. Pencerobohan pasukan keselamatan.***

Pasukan keselamatan penjajah menyertai pencerobohan hamper setiap hari ke atas Al-Aqsa, melalui menjamin perlindungan kepada penceroboh pendatang. Mereka juga melancarkan pencerobohan mereka secara khusus dengan memakai uniform dan kelengkapan askar, pencerobohan ini merupakan salah satu cara mereka mengenakan tekanan ke atas Al-Aqsa dalam rangka ingin memaksa kewujudan yahudi di perkarangan masjid Al-Aqsa. Menurut laporan bilangan askar yang penceroboh masjid Al-Aqsa telah mencecah sekitar 750 orang askar biasa dan pegawai dan hasil dari pencerobohan ini telah mencederakan sekitar 115 orang yang bersolat akibat kekasaran tentera.

## ***2. Campur tangan langsung dalam pengurusan Masjid Al-Aqsa.***

Penjajah ingin menjajah seluruh masjid Al-Aqsa tambahan dari pencabulan ke atas masjid Al-Aqsa mereka juga mencuba untuk masuk campur secara berterusa dalam urusan waqaf. Mereka menyulitkan kerja kerja penjagaan dan pengubahsuaian di masjid Al-Aqsa, mereka memaksa dengan kekuatan penguasaan yang menyeluruh ke atas semua pintu Al-Aqsa melalui penetapan syarat syarat umur ke atas mereka yang mahu bersolat dan peraturan mengusir dan menangkap.



### ***A. Larangan pembaikan dan campur tangan dalam urusan waqaf.***

Pelbagai pihak berkuasa penjajah memerhati setiap kerja membaiki-pulih dalam masjid Al-Aqsa. Mereka cuba menyulitkannya dan menghalang dari diselesaikan, dengan menyulitkan untuk membawa masuk peralatan yang diperlukan, atau menangkap penyelia kerja kerja baik pulih dari pada petugas binaan tempat tempat suci atau harta harta waqaf Islam di Al-Quds. Penjajah berusaha agar Al-Aqsa sentiasa perlu dibaiki.

Sehingga kini jumlah projek membaik pulih yang ditangguh penjajah dari disiapkan berjumlah 21 projek, kebanyakan projek ini bagi menyelenggara bangunan dalam Al-Aqsa dan memenuhi keperluan asas bagi tiang tiangnya penjajah akan cuba menyekat kerja kerja ini sejak dari mula lagi selain menyulitkan kemasukan tenaga mahir dan bahan keperluan, antara projek terpenting yang rosak adalah projek memadam dan menyalakan, penggera, pengemaskini, dan mozek di perkarangan serta membaiki bab al Rahmah dan lain lain lagi.

Sepanjang tempoh laporan ini perbandaran penjajah di Al-Quds berusaha menyulitkan kerja pembaikan bangunan , pada 1/6/2016 mereka telah mengeluarkan peraturan menuntut untuk dihentikan semua kerja yang dilakukan tenaga kerja bahagian waqaf Al-Quds, bagi menyediakan tempat wuduk dan bilik air di tepi masjid Al-Aqsa. Menurut sumber peraturan ini datang dari presiden kerajaan penjajah selepas siding tergepar dilakukan di pejabatnya dengan penglibatan beberapa pihak dari badan arkeologi dan perbandaran penjajah.

## ***B. Merumitkan pergerakan petugas waqaf.***

Penjaga Al-Aqsa aktif memelihara masjid, terutama melawan pencerobohan yang hampir setiap hari dari pendatang dan penjaga agar tidak dicemari penceroboh dengan upacara sembahyang dan upacara Talmud yang mereka amalkan, dengan menyasarkan keberadaan ribat dan melarang puluhan wanita dari memasuki Al-Aqsa tambah menyukarkan lagi kerja mereka dengan tambahan penindasan fizikal dan penangkapan yang bertujuan mengusir mereka ke Old City atau Al-Quds Lama.

Contohnya penindasan penjajah yang berulang-ulang ke atas penjaga Al-Aqsa apa yang berlaku pada 4/8/2015 tentera penjajah ke atas dua penjaga Al-Aqsa selepas mereka menghalang cubaan pendatang mengangkat bendera Israel dalam Al-Aqsa, kemudian polis telah menangkap pengurus perancangan di Al-Aqsa iaitu Ridhuwan Amru dan 5 penjaga Al-Aqsa yang lain.

Pada 27/8/2015 tentera penjajah telah menghalang penjaga Al-Aqsa dari mendekati kumpulan pendatang yang menceroboh Al-Aqsa, turut mewajibkan peraturan baru bahawa penjaga masjid Al-Aqsa mestilah menjauhi pendatang sejauh 15 meter, akibat kesalahan boleh dipenjara dan dibuang daerah.

Antara perkembangan baru yang berlaku sepanjang laporan ini, penjajah mendapati bahagian waqaf islam bersalah. Mahkamah rayuan Israel akhir bulan Febuari 2016 memutuskan dalam kes aktivis kanan Itmar Ghbeir melawan bahagian waqaf islam agar, bahagian waqaf membayar ganti rugi 56,800 shekel kerana menganggunya selama dia menceroboh Al-Aqsa pada tahun lalu, ini adalah suatu yang merbahaya kerana melaksanakan tugas melindungi Al-Aqsa telah menjadi jenayah dalam undang penjajah.

***c. Mengawal kemasukan ke masjid dan menyukarkan pergerakan orang yang ingin mendirikan solat melalui penangkapan dan pengusiran.***


Penderitaan murabitun dan murabitat dan orang yang bersolat di masjid Al-Aqsa ditambah lagi dengan beberapa pencabulan oleh penjajah, mereka melakukan polisi tipu helah di pintu pintu masuk Al-Aqsa, dengan mengambil kad pengenalan orang baitul maqdis ketika mereka masuk, turut mengancam untuk menangkap mereka dan mengasari mereka dan menghina mereka kebanyakan yang ditangkap akan diperiksa di salah sebuah pusat polis penjajah, kemudian mereka memutuskan samada akan ditangkap dalam lokap atau dikeluarkan dari Al-Aqsa untuk tempoh antara 15 hari ke enam bulan, ditambah lagi dengan perlu membayar denda bagi menambahkan lagi tekanan kepada masyarakat Al-Quds.

Polisi penapisan penjajah di pintu pintu Al-Aqsa tidak membenarkan mana mana orang baitul Maqdis , pada 10/8/2015 penjajah telah menghalang kanak kanak dari kem musim panas untuk masuk ke Al-Aqsa, apabila mereka cuba untuk menembusi sekatan penjajah mereka ditembak dengan gas pemedih mata. Sehingga sukar untuk bernafas sebahagian besar dari mereka dan berlaku pergelutan panjang dengan penjaga Al-Aqsa yang cuba membantu kanak kanak tersebut.

Sekatan ini sehinggakan mengenakan tempoh tertentu untuk mereka yang mendirikan solat di masjid Al-Aqsa pada 25/8/2015 mereka mensyaratkan kepada lelaki yang masuk ke Al-Aqsa untuk menyerahkan kad pengenalan , dan tidak boleh duduk di masjid lebih dari setengah jam, jika tidak kad pengenalan itu akan diser-

ahkan ke Pusat Penyiasatan yang akan menyiasat dan menjatuhkan hukuman ke atas orang Al-Quds.

Sepanjang tempoh laporan ini kami mendapati penjajah bergantung kepada hukuman membuang ramai orang dari Al-Aqsa, peraturan ini dikenakan ke atas lelaki, wanita dan kanak-kanak tanpa terkecuali, walaupun mereka penduduk Al-Quds ataupun daerah-daerah Palestin yang lain, tempoh pengusiran antara 15 hari ke enam bulan, jumlah yang telah diusir sekitar 250 orang dari Al-Quds dan daerah-daerah Palestin yang lain.



Carta menunjukkan bilangan mereka yang diusir dari masjid Al-Aqsa dari Ogos 2015 hingga Julai 2016

## **KEEMPAT**



## **HARAPAN**

Ini merupakan laporan yang kesepuluh daripada siri laporan yang bermula sejak 1/1/2005 yang membicarakan tentang serangan terhadap Masjid Al-Aqsa. Ia terhasil daripada bacaan terkumpul umumnya tentang pembangunan sepanjang tempoh yang dibincangkan. Ia bertujuan merungkai cara terbaik bagi mempertahankan Masjid Al-Aqsa daripada pengyahudian, dalam keadaan hilang kerjasama pembelaan yang merupakan sokongan utama untuk Masjid Al-Aqsa daripada perancangan yahudi. Ditambah pula masalah ketiadaan projek golongan Arab Muslim untuk menyokong warga Baitul Maqdis dan mengukuhkan ikatan dan pembelaan mereka terhadap Masjid Al-Aqsa sehingga ia bebas merdeka.

Dalam perincian realiti semasa, laporan ini juga meletakkan harapan untuk merangka plan pembangunan semula keadilan bersama dari sudut ini, untuk pelbagai masalah, dan penetapan sem-

ula nilai untung dan rugi pada ketetapan pembuat dasar zionis ketikamana mereka bercadang untuk menyerang Masjid Al-Aqsa atau ketika mengambil langkah-langkah untuk mengubah keadaan semasanya. Penetapan keadilan seperti ini mampu membantutkan rancangan zionis daripada pergi dan menghalang laluan ke Masjid Al-Aqsa memandangkan tiada strategi yang menuntut pengembalian semula tanah dan tempat-tempat suci daripada tangan penjajah.

### ***A- Harapan terhadap kumpulan pertahanan dan pembelaan Palestin***

Kumpulan pertahanan telah merangka laporan yang menerangkan sejarah penentangan terhadap penjajah dan peranan mereka serta cabaran menghadapi penjajah walaupun dalam keadaan terancam jiwa dan raga. Juga diterangkan tentang pengasasan isu Al-Aqsa terhadap kesedaran pemuda dalam dan luar Palestin. Walaupun kumpulan pertahanan telah merangka plan mempertahankan tanah, namun ia hanyalah harapan ketika darurat untuk memperluas tindakan kumpulan pertahanan Palestin untuk membela Al-Aqsa.

1. Menetapkan pendirian kebangsaan yang menjadi suatu persetujuan untuk “menghalang” pengabaian bantuan terhadap Al-Quds.
2. Menekan pihak berkuasa Palestin dan kumpulan pengu-rusan dan perundingan untuk menghalang sebarang pengabaian terhadap Al-Quds dan kesuciannya dan menghalang laluan projek

yang diserahkan kepada golongan penjajah dengan campur tangan bahagian pengurusan hal ehwal Masjid Al-Aqsa.

3. Menukarkan isu Al-Aqsa kepada isu yang tetap dalam program politik setiap kumpulan dan menjadi suatu tajuk yang sekurang-kurangnya tidak hilang daripada media massa. Juga, tindakan kesatuan pemuda memberi kesedaran dan mengumpulkan sokongan dan persediaan bagi program pembebasan.

4. Kumpulan-kumpulan ini juga diharap berperanan dengan aktif di Al-Quds dan menjadi sandaran pergerakan anak muda tanpa terperangkap dalam cengkaman birokrasi dan birokrasi undang-undang serta kerajaan formal yang ternyata lemah dan tidak bertanggungjawab. Pergerakan yang diseru tersebut hanya untuk kebaikan rakyat Palestin dan bukan untuk menamatkan operasi kumpulan tertentu terhadap kumpulan lain dan sebagainya.

5. Menunjukkan sokongan sebenar terhadap kebangkitan warga Baitul Maqdis yang pelbagai dan menyokong perjuangan mereka menentang penjajah. Begitu juga dalam aktiviti yang menghasilkan kemenangan menyeluruh Al-Quds menentang penjajah. Termasuk juga pembatalan terhadap apa yang berkaitan dengan projek pembahagian Masjid Al-Aqsa dan serangan terhadap masjid tersebut.

6. Sedaya upaya menghapuskan projek pembahagian dan pembinaan semula rumah rakyat Palestin.

7. Bersungguh-sungguh menuntut perubahan ancaman undang-undang terhadap golongan murabitun dan pergerakan Islam serta institusinya yang membantu mempertahankan Al-Aqsa

8. Kumpulan pembela di luar Palestin hendaklah memainkan peranan besar dalam meningkatkan kesedaran, keilmuan dan pergerakan rakyat Palestin dalam mencari perlindungan. Penting juga untuk menetapkan aktiviti tertentu yang terkandung dalam program-program ilmiah dan berinformasi untuk membantu Al-Aqsa

### ***B- Harapan terhadap pihak berkuasa Palestin dan badan pembebasan***

1. Berhenti melakukan perjajian damai dengan pihak penjajah dan penahan warga Palestin dalam perancangan untuk menyelaras usaha menentang penjajahan dan pembinaan usaha pembelaan yang masih berlaku bagi menentang penjajah

2. Berhenti bersetuju dengan sebarang inisiatif yang secara senyap boleh menghilangkan hak-hak rakyat Palestin dan seterusnya membawa masuk kuasa lain dalam rundingan licik dengan pihak penjajah.

3. Mengutamakan pembelaan Al-Aqsa dan jangan menerima sebarang tuntutan. Mempertahankan Al-Quds keseluruhannya mengikut strategi selaras projek pembebasan dan bukannya ber-



tujuan mendapatkan habuan ekonomi atau pembangunan dengan sokongan penjajah

4. Kembali menghasilkan ucapan-ucapan politik dan berinformasi berkait rapat dengan Al-Quds dan Al-Aqsa. Kembali melihat kepentingan menyeluruh antara ucapan dan tindakan yang praktikal untuk dilaksanakan

5. Hurlurkan bantuan pembelaan di tebing barat dan lepaskan tali penghalang dengan rakyat tebing barat demi kesatuan dan usahasama membela Al-Quds dan Al-Aqsa.

### ***C- Harapan terhadap kerajaan Jordan***

Sesungguhnya peranan kerajaan Jordan dalam menangani cabaran dan pelanggaran hak yang berlaku terhadap Al-Aqsa memainkan peranan paling utama sehingga ia berperanan sebagai pembela khusus Masjid Al-Aqsa dari sudut pertahanan dan juga pembela waqaf-waqaf dan tempat-tempat suci orang Islam di Al-Quds serta pembela kawasan-kawasan waqaf orang Islam di bandar. Jelasnya, objektif penjajahan sentiasa berterusan lebih-lebih lagi dalam mengganggu tugas pekerja-pekerja waqaf dari menjaga dan mempertahankan masjid. Melakukan penahanan dan menghalang mereka daripada masuk ke masjid serta menjauhkan mereka daripada masjid, dan ini dilihat lebih kerap pada beberapa bulan kebelakangan ini.

**Bertitik tolak daripada itu, kerajaan Jordan diharap:**

1. Tegas menghentikan sebarang serangan berulang terhadap Al-Aqsa dan pekerja-pekerja di tempat waqaf memandangkan mana-mana serangan terhadap pekerja merupakan serangan terhadap pekerja Jordan, juga serangan terhadap Al-Aqsa merupakan serangan terhadap ketuanan Jordan.

2. Menggalakkan pembelaan Masjid Al-Aqsa dan murabitun seta murabitat, lebih-lebih lagi murabitat yang dihalang daripada masuk ke Masjid Al-Aqsa sejak tahun lalu.

3. Terus bertindak di pentas-pentas antarabangsa, lebih-lebih lagi di UNESCO

4. Bekerjasama dengan penguasa Jordan khususnya dan Arab umumnya untuk menolak sebarang perdamaian dengan penjajah.

5. Menyokong Yayasan Jordan setempat yang bekerja untuk mempertahankan Al-Quds dan Al-Aqsa dan menggalakkannya supaya berperanan sebagai penghubung dan pemangkin bersama badan-badan Arab, Islam, dan antarabangsa

6. Menolak persamaan atau persetujuan bersama sebarang usaha mewujudkan kerjasama penjajah dalam pentadbiran Al-Aqsa.

7. Menyatukan impian Palestin yang pelbagai dalam urusan mempertahankan Al-Aqsa supaya menjadi barisan hadapan yang gagah dan kuat untuk menghadapi penjajah.

### ***D- Harapan buat kerajaan-kerajaan Arab dan Islam***

1. Menjadikan isu Palestin sebagai isu mereka sendiri dan bukan isu rakyat Palestin semata-mata.

2. Bersungguh-sungguh membela Al-Quds dan warga Baitul Maqdis lelaki dan perempuan, memberikan sokongan kewangan untuk mempertahankan Al-Aqsa dengan mempertahankan warga Baitul Maqdis dan rakyat tanah jajahan 1948 dengan apa sahaja yang mampu menyokong mereka menghadapi tentangan memandangkan mereka berperanan sebagai barisan pertahanan pertama bagi Al-Aqsa dan mampu turun padang mempertahankannya.

3. Menyokong gerakan rakyat Palestin menghadapi penjajah dan mengambil manfaat daripada gerakan ini untuk menekan negara penjajah dari sudut politik.

4. Bergerak dan menekan penjajah supaya berhenti dari menyasarkan golongan murabitun dan murabitat yang masih terhalang daripada masuk ke Al-Aqsa

5. Menghentikan sebarang cubaan perdamaian bersama penjajah melalui apa sahaja tajuk usaha yang dalamnya mempun-

yai tujuan usaha damai.

6. Melaksanakan keputusan Liga Arab dan OIC untuk menyediakan tabung bantuan Al-Quds dan Al-Aqsa, dan menyerahkan nilai yang telah disepakati untuk mempertahankan Al-Quds.

7. Mewujudkan organisasi Al-Quds yang mantap bawah OIC

8. Tidak menutup rundingan dengan penjajah atau berdiri di belakang usaha licik yang dibentangkan untuk kebaikan israel serta tidak mengambil cakna tentang hak-hak rakyat Palestin

### ***E- Harapan buat Liga Arab dan OIC***

1. Mengukuhkan pendirian mereka dari sudut politik dan lapangan bagi menuntut jawapan terhadap ancaman-ancaman yang berlaku di sekitar Al-Aqsa tanpa menunggu pembentangan dari pihak penjajah terhadap tindakan di Masjid Al-Aqsa untuk memberi kesedaran tentang ancaman projek pengyahudian.

2. Tidak menyembunyikan sebarang konsesi berkaitan Al-Quds dan Al-Aqsa yang berlaku di sebalik tabir rundingan dan kompromi

3. Bekerjasama dalam menghentikan dan membendung sebarang bentuk pencabulan Israel sebagai tambahan kepada pelak-

sanaan dari sudut undang-undang terhadap isu Al-Aqsa merujuk keputusan Majlis Keamanan tentang Masjid Al-Aqsa

4. Menjadikan pejabat dan organisasi mereka berupaya membantu Al-Quds dan kesuciannya, terutamanya Lajnah Al-Quds yang baru muncul di OIC, dan dana-dana Al-Quds dan Al-Aqsa yang dihebahkan secara tidak spesifik

5. Menjadikan semua keputusan mereka bertujuan membantu Al-Quds dan Al-Aqsa serta menekan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk melaksanakan keputusan mereka demi Al-Quds dan merekodkan jenayah yang dilakukan penjajah terhadap Al-Quds dan Al-Aqsa.

### ***F- Harapan buat rakyat Palestin***

1. Diharapkan buat rakyat Baitul Maqdis, Palestin, dan tanah jajahan 1948 supaya tidak tunduk kepada cubaan penjajah untuk mematahkan penentangan melalui undang-undang yang terbina dari kehendak mereka yang melampau dan sekatan terhadap hak rakyat Palestin.

2. Bertukar daripada gerakan bersendirian yang tidak teratur kepada gelombang pergerakan yang tersusun, terang-terangan dan menyeluruh dari segi masa dan tempat ketika menentang penjajah supaya mampu menjatuhkan mereka. Maka taruhan yang ditetapkan pada inisiatif dan semangat mereka selepas dikenalpasti mereka mempunyai kesungguhan dan kemampuan untuk melarikan diri dari sekatan dan pos pemeriksaan penjajah di beberapa

perhentian ialah menghadapi penjajah dalam keadaan menyerang dan mengejut dan bukannya dalam posisi bertahan dan menerima serangan.

3. Melihat kepada peranan penting yang dimainkan oleh kumpulan yang bersusah payah datang menziarahi Masjid Al-Aqsa untuk membantu masjid dengan orang yang bersolat dan golongan murabitun yang menghadapi serangan pendatang, maka saudara kami di tanah jajahan 1948, dengan pujian terhadap peranan dan kesungguhan mereka, diseru untuk mempergiat lagi kempen dan mempertahankan perhimpunan yang berterusan di Al-Aqsa mengatasi ketetapan penjajah yang mengharamkan gerakan Islam, terutamanya institusi-institusi yang menguruskan perhimpunan dan perbincangan ilmu di Al-Aqsa. Mereka juga diseru untuk mendokumentasikan ancaman-ancaman yang dilancarkan penjajah dan menggunakan lapangan elektronik untuk menyebarkan kepada umum tentang jenayah yang dilakukan Israel bagi mendapatkan bantuan dan pertolongan dalam isu Al-Quds dan Al-Aqsa

4. Saudara kita di tebing barat diseru untuk bekerjasama dengan Al-Aqsa dan melepaskan sekatan yang diarahkan oleh pihak berkuasa Palestin melalui kerjasama penyelarasan keamanan. Maka demonstrasi dan pengurusan rapat umum yang menolak usaha penjajah merupakan solidariti paling minima yang boleh dilakukan oleh warga Tebing Barat selain daripada datang ke Masjid Al-Aqsa, walau dalam keadaan disekat oleh penjajah yang menekan peti bantuan Masjid dengan orang yang bersolat, walaupun bilangannya terhad.

5. Rakyat Gaza diseru supaya cakna akan segala isu Al-Aqsa walaupun kepungan berlaku ke atas mereka sejak 10 tahun dahulu, dan merasakan serangan yang berlaku ke atas masjid Al-Aqsa seperti serangan berlaku ke atas mereka dan atas kesucian mereka oleh itu mereka perlu turut bersolidariti dan membantu.

Mereka juga diseru supaya tidak merasakan kebenaran yang diberikan oleh penjajah kepada sebahagian orang tua dari kalangan mereka itu sebagai suatu kurnia daripada penjajah, sebaliknya itu sememangnya hak mereka untuk ke sana.

6. Peranan pelarian Palestin tidak kurang jika dibandingkan dengan rakyat Palestin yang tinggal di Palestin kerana lapangan amal di luar lebih luas dan peluang tindakan lebih menyeluruh. Para pelarian diharapkan supaya menyebarkan isu-isu Al-Quds dan Al-Aqsa contohnya isu pelarian dan kepulangan. Seruan sebaiknya dilakukan berterusan dan sebagai sebahagian pelengkap yang membela hak mereka untuk pulang.

Rakyat Palestin di Eropah khususnya diseru supaya cakna akan isu Al-Quds dan Al-Aqsa dan berusaha mengkaji tindakan-tindakan penjajah dan serangan mereka terhadap kesucian Al-Aqsa supaya dapat membentuk pandangan umum dan memberi kesedaran tentang jenayah-jenayah penjajah hingga memberi kesan di peringkat rasmi dan memberi tekanan terhadap kerajaan Eropah untuk menghentikan jenayah dan cabang-cabangnya.

## ***G- Harapan buat sekalian orang Arab dan Islam***

1. Mengambil berat terhadap isu ini setiap hari sebagai sua-

tu isu yang perlu diberi perhatian secara langsung dan menetapkan pendirian secara asasnya seperti harapan terhadap individu, kumpulan, dan program politik. Supaya menjadi panduan tertentu ketika berhadapan politik luar.

2. Menekan kerajaan Arab dan Islam supaya memainkan peranan dalam isu Palestin, Al-Quds, dan Al-Aqsa.


3. Semua kumpulan dan organisasi tanpa mengira latar belakang diharap dapat menegaskan ucapan taktikal mereka untuk menggalakkan jemaah dan pergerakan penguasa membantu Al-Quds dan Al-Aqsa dan menyusun program-program secara berterusan lebih-lebih lagi dalam acara yang membentuk pendirian yang jelas tentang sejarah Al-Quds, Al-Aqsa, dan isu-isu Palestin secara umum.

***Yang diharap daripada PBB dan Majlis Keamanan:***

1. Pendirian yang jelas, tegas dan komited dalam mengutuk dan menyekat penjajahan dan menegaskan bahawa Al-Quds sepatutnya merupakan bandar yang bebas merujuk kepada perjanjian Geneva

2. Meletakkan suatu mekanisme untuk melaksanakan ketetapan yang berkaitan Al-Quds dan Al-Aqsa terutamanya yang berkaitan penghantaran badan siasatan yang mengkaji pencabulan Israel di bandar lama walaupun telah dikecam oleh orang Israel sendiri.





## ***H- Harapan buat pihak yang bekerja demi Al-Quds***

Sesungguhnya pelbagai pihak yang bekerja demi Al-Quds nampaknya tidak teratur antara mereka yang biasanya membawa kepada usaha yang berulang dan percanggahan dalam tindakan serta membawa ketidakserasian tindakan di kawasan yang berbeza di Al-Quds walau sebanyak manapun usaha yang telah dikerah. Oleh itu dituntut:

1. Diselaraskan tindakan dan usaha antara setiap institusi yang bekerja demi Al-Quds supaya menghasilkan bantuan yang sebenar dan boleh dirasai sesuai dengan keperluan asas projek bantuan dan pengukuhan.

2. Mengutamakan projek penggalakan ilmu dan perlindungan kepada orang yang penat merantau dengan diberi keutamaan khas memandangkan kepentingan dua perkara ini dalam usaha menggalakkan hubungan di Masjid Al-Aqsa dan merencatkan aktiviti penjajah.

3. Mewujudkan waqaf-waqaf rakyat dan waqaf-waqaf rasmi yang sentiasa dan berterusan membantu usaha membela Al-Quds dan Al-Aqsa

4. Mewujudkan usaha sama kebaikan untuk membantu Al-Aqsa bertujuan merealisasikan pembebasan warga Baitul Maqdis daripada ekonomi dan undang-undang Israel.



### ***I- Harapan buat para rujukan agama***

1. Menyebarkan isu Palestin sehingga kepada pemutusan fatwa yang membela hak ummah di Al-Aqsa milik mereka dan meletakkan batas sempadan untuk menghalangnya daripada dirosakkan.

2. Menerangkan salah faham yang berlaku berkaitan Al-Aqsa dan menegaskan tentang sempadan keluasannya berpandukan syara' yang merangkumi 144,000 meter persegi termasuk semua yang berada dalam tembok masjid iaitu laman-laman, kubah-kubah, kawasan-kawasan solat, tiang-tiang, kawasan-kawasan pencil, telaga-telaga, dan tinggalan-tinggalan lain.

3. Menyeru kesatuan masyarakat supaya bangkit membantu Palestin yang merupakan isu akidah dan agama. Dalam keadaan penuh cabaran dan kospirasi yang membelenggu Masjid Al-Aqsa, maka penting supaya dikeluarkan suatu dokumen yang menegaskan pengharaman sebarang bentuk pengabaian dan tuntutan terhadap Al-Quds dan Al-Aqsa.

### ***J- Harapan terhadap media dan pengamal media.***

Melihat kepada peranan media dalam mencorak pandangan umum masyarakat, maka diharap daripada media dan para pengamal media supaya:

1. Mematuhi ketetapan isu-isu Al-Aqsa dalam liputan mereka berkaitan perkembangan di negara-negara Arab dan Islam.

Mengambil isu ini sebagai suatu isu ummah yang utama yang tidak boleh cuai dalam membuat liputan tentangnya agar ia tidak menjadi suatu saksi palsu kepada isu pengyahudian Al-Aqsa.

2. Mengkaji jenayah yang dilakukan pihak penjajah dan tindakan-tindakan mereka terhadap Al-Quds dan Al-Aqsa dengan apa yang mereka sebarkan dan apa yang terdapat sekatan terhadapnya.

3. Merangka strategi media supaya Al-Quds dan Al-Aqsa menjadi liputan utama yang sentiasa berkembang dan tidak hanya ketika berlaku peristiwa supaya tidak hilang daripada perhatian umum.

4. Para penulis dan wartawan diharapkan dapat mengambil isu Al-Aqsa dan memenuhi tulisan-tulisan mereka dengan isu ini serta mengulasnya daripada pelbagai sudut samada tentang tindakan-tindakan penjajah ataupun langkah-langkah untuk menghadapinya.

### ***K- Harapan buat para pemuda Arab dan Islam***

Para pemuda mempunyai tenaga yang mampu memainkan peranan dalam membantu Al-Quds dan Al-Aqsa. Antara perkara yang sangat boleh dilakukan dalam bidang ini ialah:

1. Meningkatkan inisiatif sendiri dan mengambil faedah daripada lambakan bahan elektronik dan media sosial untuk menye-

barkan berita dan mengkaji jenayah pihak penjajah.

2. Tidak sekadar cukup dengan menentang secara maya kerana bertindak di lapangan merupakan tindakan utama dalam mempertahankan dan menangani isu-isu ini.

### ***L- Harapan terhadap badan undang-undang***

Undang-undang antarabangsa menetapkan bahawa bandar Al-Quds merupakan bandar yang merdeka. Bahkan dalam beberapa ketetapan telah diputuskan tentang beberapa badan dan organisasi antarabangsa yang menegaskan kebatilan tindakan penjajah di Al-Quds dan cubaan pengyahudian bandar. Oleh itu, semua badan undang-undang diharapkan dapat:

1. Melancarkan serangan undang-undang terhadap penjajah dan mengasaskan hak undang-undang buat ummah terhadap Al-Quds dan Al-Aqsa yang merupakan milik mereka. Inilah peranan utama komuniti dan badan-badan Arab dan Islam di barat.

2. Memberi kesedaran tentang hak ummah terhadap Al-Quds dan Al-Aqsa dan penjajahan haram yang berlaku.




Tunnels - Active	
Tunnels - Completed	
Excavation sites - Active	
Excavations sites - Completed	

Excavations underneath Masjid Al-Aqsa and its Surroundings until August 2016






# Northern Side






n Side




ings until August 2016







**Al-Quds Foundation Malaysia**


 [Alqudsmalaysia.org](http://Alqudsmalaysia.org)

    [QFMalaysia](#)

 [qfmalaysia@gmail.com](mailto:qfmalaysia@gmail.com)

 006-013 41312650

 006-011 21273216

 2- 35, PV 128, Jalan  
Genting Kelang,  
Setapak, 53100,

